A

SHAHNAZ MAJID lwn. DATO' SRI MAHMUD ABU BEKIR TAIB

MAHKAMAH TINGGI SYARIAH, KUALA LUMPUR
MUHAMAD ABDUL KARIM WAHAB HMTS
[KES MAL NO: 14100-016-0107-2011]
10 MAC 2016

B

UNDANG-UNDANG ISLAM: *Perceraian – Mutaah – Sama ada wajib dibayar oleh suami selepas berlaku perceraian – Jumlah patut – Prinsip dan faktor yang perlu diambil kira – Kemampuan suami – Tindakan meninggalkan isteri selama sepuluh tahun – Sama ada tidak boleh dimaafkan – Keaiban, penderitaan dan kesedihan isteri – Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984, s. 56*

C

Plaintif ('isteri'), seorang graduan Ekonomi dan Sarjana Pengurusan Perniagaan, telah berkahwin dengan defendan, anak bekas Ketua Menteri Sarawak, pada 9 Januari 1992, dan bercerai secara talak *raj'ie* pada 11 Mei 2011 di Mahkamah Tinggi Syariah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Ekoran perceraian tersebut, plaintif memfailkan tuntutan menuntut satu bayaran sagu hati atau *mutaah* berjumlah RM100 juta daripada defendan. Di hadapan Yang Arif Hakim, plaintif menghujahkan dia layak mendapat jumlah tersebut mengambil kira tahap kemampuan defendan, pengorbanan dan kesusahan yang terpaksa dilaluinya sepanjang perkahwinan mereka (di mana dia 'digantung tidak bertali' selama sepuluh tahun), ketipisan peluangnya untuk memulakan kehidupan baharu, dan kerana perceraian telah mengaibkannya serta merendahkan tarafnya di mata masyarakat. Plaintif juga telah mengemukakan SP1, seorang akauntan bertauliah, dan SP2, seorang pegawai tinggi bank, sebagai saksi-saksi pakar bagi membantu kesnya. Menurut laporan yang disediakan oleh SP1 ('P135 dan P136'), defendan memiliki harta yang terdiri daripada saham dan kepentingan dalam 49 syarikat, ladang-ladang kelapa sawit, kereta-kereta mewah dan lain-lain, yang kesemuanya bernilai RM1,185,671,390. SP2, dalam keterangannya, mengesahkan penyata-penyata akaun bank milik defendan. Defendan bagaimanapun menghujahkan bahawa pemberian *mutaah* adalah tidak wajib baginya, dan bahawa plaintif telah gagal membuktikan dakwaan-dakwaannya. Dihujahkan selanjutnya bahawa, jikapun beliau bertanggungan membayar *mutaah* kepada plaintif, beliau telah menunaikan tanggungjawabnya tersebut apabila memberikan sebuah rumah dan tiga buah kereta kepada plaintif selepas perceraian mereka. Berdasarkan keterangan yang ada di hadapan mahkamah, persoalan penting yang berbangkit adalah (i) sama ada *mutaah* wajib dibayar oleh defendan, dan jika begitu berapakah kadar atau jumlah yang munasabah bagi *mutaah* tersebut; dan (ii) sama ada plaintif berjaya membuktikan kesnya.

D

E

F

G

H

I

Diputuskan (membenarkan permohonan; menetapkan *mutaah* sebanyak RM30 juta):

(1) *Mutaah* adalah bantuan kewangan atau bayaran sagu hati kepada pihak isteri dalam mengharungi liku-liku hidupnya setelah berlaku perceraian. Di sisi Hukum Syarak, *mutaah* adalah wajib ke atas suami selepas dia menceraikan isterinya tanpa mengira jenis perceraian kecuali perceraian sebelum berlaku persetubuhan. Seseorang wanita yang diceraikan juga layak mendapat *mutaah* berdasarkan peruntukan s. 56 Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984. (perenggan 18 & 21)

(2) SP1 adalah seorang yang ahli dalam bidangnya dan telah lama berkecimpung dalam penilaian harta sebegini. Sepanjang perbicaraan kes ini berlangsung, mahkamah berpuas hati bahawa segala fakta-fakta seperti yang dikemukakan oleh SP1 melalui P135 dan P136 adalah konsisten dan berdasarkan pengiraan yang tulen dan betul. Oleh itu, SP1 adalah seorang pakar yang kompeten dan keterangannya adalah relevan dan boleh diterima. Sementara itu, defendan, walaupun tidak bersetuju dengan laporan penilaian yang dibuat oleh SP1, gagal mengemukakan keterangan yang boleh mencabar, menyangkal atau mematahkan keterangan SP1. (perenggan 49-52)

(3) Sebagaimana defendan, yang dikenali umum, plaintif juga lahir daripada keluarga terhormat dan ternama. Tuntasnya, walaupun plaintif tidaklah terlalu mendapat publisiti yang meluas seperti defendan, namun dia adalah seorang yang mempunyai kedudukan dan terpelajar dan datang dari keluarga yang dihormati dan disegani. Tidak dinafikan juga bahawa, setelah berkahwin, plaintif memainkan peranan yang besar dalam membangunkan syarikat Sarawak Securities milik defendan sehingga berjaya. Plaintif juga telah mengambil keputusan untuk berhenti bekerja dan menumpukan masa sepenuhnya kepada keluarga sehinggalah perceraian berlaku antara pihak-pihak. (perenggan 66 & 67)

(4) Tindakan meninggalkan seorang isteri selama hampir sepuluh tahun lamanya tanpa perhatian dan kasih sayang yang sewajarnya adalah satu bentuk pengabaian yang tidak boleh dipandang enteng. Ini satu pengabaian yang tidak boleh dimaafkan. Fakta menunjukkan walaupun menjadi seorang isteri yang sah kepada defendan, plaintif hanya memegang status isteri secara lahiriah sahaja, dan lebih daripada itu, harus menelan kesedihan dan kepedihan saban hari mendengar kisah negatif defendan dengan wanita lain. (perenggan 69)

(5) Mahkamah tidak cenderung untuk melihat pemberian sebuah rumah dan tiga buah kereta sebagai pemberian *mutaah*, sementelah mengambil kira ketidaksetujuan plaintif terhadap dakwaan ini. Selain itu, mahkamah mengambil pandangan bahawa cerita rumah tangga plaintif dan defendan

ini sedikit sebanyak telah mengaibkan dan merendahkan taraf plaintif di mata masyarakat, memandangkan defendan bukanlah daripada kalangan orang biasa-biasa. (perenggan 71 & 72)

(6) Setelah menghalusi keterangan-keterangan yang dikemukakan, dan mengambil kira antara lain kemampuan defendan serta keaiban isteri serta keperluan untuk menutup malu padanya, begitu juga dengan kesedihan yang ditanggung olehnya, mahkamah memerintah dan hukumkan bahawa defendan hendaklah membayar *mutaah* kepada plaintif sebanyak RM30 juta. Jumlah ini adalah berkadaran dan wajar dan dirasakan mampu untuk setidak-tidaknya menghapus duka di hati seorang isteri. (perenggan 79 & 80)

Kes-kes yang dirujuk:
lda Hidayafi Taufik lwn. Ahmad Shukri Kassim [2004] 18 (ii) JH 259 ***(dirujuk)***
Piah Said lwn. Che Lah Awang [1983] 3 ii JH 220 ***(dirujuk)***
Ramsdale lwn. Ramsdale 173 LT 393 ***(dirujuk)***
Suraiya M Shafie lwn. Abd Shukor bin Mohd Hashim JH 27 Bhg II ***(dirujuk)***
Tuan Farizah Tuan Ludin lwn. Mohd Razuhan Abdul Razan JH 2007 24/2, 335 ***(dirujuk)***
Zawiyah lwn. Ruslan [1980] 1 (ii) JH 102 ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:
Islamic Family Law (Federal Territories) Act 1984, ss. 2, 56
Syariah Court Evidence (Federal Territories) Act 1997, ss. 11(b), 33, 72, 73, 74, 75, 76, 83(2)

Sumber-sumber yang dirujuk:
Badai al Manan fi Jamie Wa tartib Musnad As Syafie wa Al Sunan, Juz 2, hlm 381
Hasyiah I'anah Talibin, Juz 3, hlm 595-596
Syihabuddin Ahmad Ahmad Salamah al-Qalyubi*, Hasyiat Qalyubi Wa Umairah,* Juz-3, Beirut, Dar al-Kutub-llmiah, Cetakan Pertama, hlm 441

Bagi pihak plaintif - Akberdin Abdul Kader, Mohd Rafie Mohd Shafie, Mohd Reza Mohd Rafie & Ummi Kartini Abd Latiff; T/n Akberdin & Co
Bagi pihak defendan - Zainul Rijal Abu Bakar & Saadiah Din; T/n Zainul Rijal Talha & Amir

Dilaporkan oleh Wan Sharif Ahmad

PENGHAKIMAN

Muhamad Abdul Karim Wahab HMTS:

Fakta Kes

[1] Ini adalah tuntutan yang dikemukakan oleh plaintif di bawah s. 56 Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984, menuntut daripada defendan untuk bayaran *mutaah* sejumlah Ringgit Malaysia Seratus Juta (RM100,000,000).

[2] Plaintif dan defendan telah bernikah pada 9 Januari 1992 di Kuala Lumpur. Walau bagaimanapun, pihak-pihak telah disabitkan bercerai pada 11 Mei 2011 di Mahkamah Tinggi Syariah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur secara talak *raj'ie*. Hasil daripada pernikahan selama hampir 19 tahun 4 bulan tersebut, pihak-pihak telah dikurniakan dengan seorang cahaya mata lelaki bernama Raden Murya Abdul Taib Mahmud yang lahir pada 11 Disember 2003.

[3] Sejak daripada perceraian tersebut, tiada apa-apa perintah berkaitan *mutaah* dikeluarkan oleh pihak mahkamah.

[4] Oleh sebab itu, pada 9 Jun 2011, plaintif telah memfailkan tuntutan *mutaah* ini di mahkamah. Namun, Mahkamah Rayuan Syariah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (Kes Mal No: 14000-003-0034-2012) pada 14 November 2012 di dalam bidang kuasa semakannya menyemak prosiding perbicaraan kes induk *mutaah* bertarikh 12 Mac 2012 di Mahkamah Tinggi Syariah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan telah memerintahkan agar kes ini dibicarakan semula di hadapan hakim bicara yang lain. Lanjutan daripada perintah Mahkamah Rayuan Syariah tersebut, mahkamah yang mulia ini telah mendengar semula prosiding kes tuntutan *mutaah* ini pada 23 Mei 2013.

[5] Mahkamah setelah mendengar kes ini di mana 137 ekshibit dan tiga orang saksi pakar bebas dikemukakan oleh plaintif dan satu ekshibit yang dikemukakan oleh pihak defendan telah mengarahkan peguamcara plaintif dan defendan memfailkan hujahan masing-masing dan telah menetapkan keputusan kes pada hari ini.

Hujahan Peguam

[6] Peguamcara plaintif berhujah bahawa plaintif adalah berhak dan layak terhadap *mutaah* setelah plaintif diceraikan tanpa sebab-sebab yang patut berdasarkan syarak dan peruntukan undang-undang sedia ada.

[7] Turut dihujahkan juga bahawa, *mutaah* atau sagu hati adalah merupakan suatu kewajipan yang ditetapkan oleh Hukum Syarak ke atas bekas suami yang telah menceraikan bekas isterinya. Bukan kerana pihak perempuan yang buat permohonan cerai atau perempuan nusyuz, tetapi kerana *mutaah* atau sagu hati selepas perceraian adalah merupakan tajuk berasingan dengan perkara-perkara seperti perceraian dan nafkah. (*Tuan Farizah Tuan Ludin lwn. Mohd Razuhan Abdul Razan* JH (2007 24/2, 335).

[8] Peguamcara plaintif berhujah bahawa perceraian yang berlaku antara plaintif dan defendan adalah disebabkan sikap tidak bertanggungjawab defendan terhadap rumah tangga dan bukan atas kehendak plaintif kerana plaintif telah sabar dan terus bersabar kerana tidak mahu menjatuhkan aib keluarga defendan yang amat dikenali sebagaimana keterangan plaintif di mahkamah:

S: Puan dah kena pukul, kenapa tak ambil tindakan pada masa itu?

J: dia suami saya, bertahan, sabar jugak. Keluarga dia established in Kuching, saya tak nak malukan keluarga, suami saya

S: siapa keluarga dia

J: bapa dia Ketua Menteri

S: mana?

J: Sarawak

...

S: ada buat laporan polis?

J: tak buat

S: kenapa tak buat

J: dia suami saya, saya nak jaga nama dia, keluarga dia pun di sana, tak kan nak malukan dia. Lagipun saya berharap nak melanjutkan perkahwinan ni, sampai anak cucu

S: ada dapat apa-apa rawatan doktor?

J: tak

S: kenapa tak dapat rawatan doktor?

J: saya nak jaga nama baik suami saya

[8a] Plaintif juga dikatakan ibarat gantung tidak bertali selama sepuluh tahun apabila defendan berterusan mengabaikan plaintif.

S: lepas tinggal di KL, ada tak diberikan nafkah batin oleh D?

J: tak, sejak saya pindah ke sini sampai hari perceraian Mei 2011, tak

S: hampir 10 tahun?

J: ya, dia gantung saya tak bertali

[9] Justeru, adalah menjadi kewajipan ke atas defendan untuk membayar *mutaah* kepada plaintif dan kewajipan itu tidak gugur sementelah plaintif telah diceraikan tanpa sebab yang patut.

[10] Peguamcara plaintif berhujah bahawa plaintif adalah berhak dan layak untuk mendapat kadar *mutaah* sebanyak RM100 juta berdasarkan faktor-faktor berikut:

(i) tahap kemampuan defendan;

(ii) pengorbanan dan kesusahan yang terpaksa dilalui oleh plaintif sepanjang perkahwinan akibat sikap tidak bertanggungjawab defendan;

(iii) peluang plaintif untuk memulakan kehidupan dan/atau keluarga baru terhalang selepas sepuluh tahun hidup ibarat gantung tidak bertali;

(iv) perceraian telah mengaibkan dan merendahkan taraf/kedudukan plaintif di mata masyarakat.

[11] Peguamcara plaintif turut berhujah bahawa kegagalan defendan memanggil saksi pakar untuk menyangkal dan mencabar keterangan-keterangan saksi pakar plaintif membolehkan mahkamah membuat anggapan "adverse inference" terhadap defendan.

Hujahan Peguam cara Defendan

[12] Peguamcara defendan menghujahkan bahawa terdapat pelbagai hukum dari nas-nas berkenaan pemberian *mutaah* dan tidak semestinya isteri yang diceraikan oleh seorang suami berhak mendapat *mutaah*.

[13] Turut dihujahkan juga bahawa plaintif telah gagal membuktikan dakwaan-dakwaan yang telah dikemukakan di mahkamah yang mulia ini mengikut undang-undang dan Hukum Syarak. Tuntutan plaintif tersebut adalah kabur terhadap dakwaan-dakwaan yang hendak dikemukakan kepada mahkamah dan seterusnya hanyalah bersifat andaian, tuduhan dan tohmahan semata-mata.

[14] Peguamcara defendan menghujahkan bahawa pelantikan plaintif terhadap SP1 (saksi pakar - Mr Andrew Heng) dan dua orang saksi plaintif yang lain adalah tidak sah dan bertentangan dengan-undang-undang dan Hukum Syarak dengan kes yang dibicarakan di mahkamah pada hari ini.

Dapatan Mahkamah

[15] Di dalam kes ini, plaintif telah menuntut bayaran *mutaah* sebanyak RM100 juta daripada defendan, iaitu bekas suaminya. Sebelum apa-apa keputusan dapat dibuat, mahkamah harus meneliti dan menimbang beberapa isu yang timbul di dalam kes ini, *inter alia*:

(i) sama ada *mutaah* itu sesuatu yang wajib dibayar oleh defendan;

(ii) jika wajib, berapakah kadar yang munasabah bagi *mutaah* tersebut;

(iii) sama ada plaintif berjaya membuktikan kes berdasarkan bukti-bukti dan keterangan-keterangan yang telah dikemukakan.

[16] Isu pertama yang timbul di dalam kes ini apakah *mutaah* itu sesuatu yang wajib dibayar oleh defendan? Dengan kata lainnya adakah plaintif berhak mendapat *mutaah* selepas berlakunya perceraian dengan defendan?

[17] *Mutaah* atau dikenali sebagai bayaran sagu hati merupakan satu pemberian yang diberi oleh seorang suami kepada bekas isterinya yang diceraikan.

[18] *Mutaah* adalah lebih merupakan bantuan kewangan kepada pihak isteri dalam mengharungi liku-liku hidupnya setelah berlaku perceraian. Di antara fakfor lain *mutaah* diwajibkan syarak ialah untuk menutup rasa malu yang dialami oleh isteri, menghindarkan fitnah dan untuk memulakan hidup baru. Perlu ditekankan di sini bahawa *mutaah* merupakan satu pemberian wajib mengikut syarak kerana perceraian itu berlaku bukan disebabkan oleh keaiban isteri.

[19] Dalil pensyariatan pemberian *mutaah* ini berdasarkan firman Allah di dalam surah Al-Baqarah ayat 241:

> Bermaksud:
>
> Dan isteri-isteri yang diceraikan, berhak mendapat *mutaah* dengan cara yang patut, sebagai satu tanggungan yang wajib atas orang takwa.

[20] Manakala di dalam kitab *Badai' al Manan fi Jamie Wa tartib Musnad As Syafie wa Al Sunan*, juz 2, hlm. 381 menyatakan:

> Imam As-Syafie telah memberitahu kepada kami Imam Malik daripada Nafik daripada Ibn Umar RA sesungguhnya ia berkata bagi tiap-tiap perempuan yang ditalakkan oleh suami mendapat *mutaah* kecuali perempuan yang telah difardhukan baginya mas kahwin dan belum disetubuhi lagi maka memperolehi baginya separuh mas kahwinnya.

[21] Manakala tafsiran berkanun ada diperuntukkan di dalam s. 2 Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984 di mana *mutaah* membawa maksud:

> "mut'ah" ertinya bayaran sagu hati yang diberi dari segi Hukum Syarak kepada isteri yang diceraikan

[22] Sungguhpun peguamcara defendan menghujahkan terdapat banyaknya situasi di mana seseorang wanita itu wajib mendapat *mutaah* dan ada pula keadaan yang tidak wajib mendapat *mutaah* namun mahkamah berpegang kepada Mazhab Syafie di mana pemberian *mutaah* adalah wajib ke atas suami selepas dia menceraikan isterinya tanpa mengira jenis perceraian kecuali perceraian sebelum berlaku persetubuhan.

[23] Justeru, di dalam kes ini, adalah menjadi satu fakta yang diperakui oleh pihak-pihak bahawa, plaintif dan defendan telah melangsungkan pernikahan secara sah mengikut Hukum Syarak pada 9 Januari 1992 sehinggalah kedua-duanya bercerai pada 11 Mei 2011 iaitu hampir 19 tahun 4 bulan lamanya jangka masa pernikahan tersebut.

[24] Dalam kes *Piah Said lwn. Che Lah Awang* [1983] 3 ii JH 220, Kadi Besar Pulau Pinang, Haji Harussani bin Haji Zakaria dalam penghakimannya menyebut:

> *Mutaah* adalah pemberian yang tertanggung ke atas seorang suami yang menceraikan isteri. Tanggungan *mutaah* tidak gugur dalam apa-apa pun perceraian berlaku kecuali jika perceraian itu disebabkan keaiban di pihak isteri terhadap suaminya atau perceraian kerana mati.

[25] Manakala di dalam kes *Zawiyah lwn. Ruslan* [1980] 1 (ii) JH 102, hakim yang sama turut menyatakan bahawa: A

> perceraian yang kena dibayar *mutaah* ialah setiap perceraian daripada suami, tidak dari sebab pihak perempuan seperti fasakh kerana aib yang ada pada diri perempuan itu atau perempuan memfasakhkan nikahnya dengan suaminya disebabkan sara nafkah dan sebagainya. B

[26] Berpandukan peruntukan s. 56 Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984 turut menggariskan elemen di mana seseorang wanita itu patut mendapat hak *mutaah*nya.

> Seksyen 56 - *Mut'ah* atau pemberian sagu hati kepada perempuan yang diceraikan tanpa sebab yang patut C
>
> sebagai tambahan kepada haknya untuk memohon nafkah, seseorang perempuan yang telah diceraikan tanpa sebab yang patut oleh suaminya boleh memohon *mut'ah* atau pemberian sagu hati kepada mahkamah dan mahkamah boleh, selepas mendengar pihak-pihak itu dan apabila berpuas hati bahawa perempuan itu telah diceraikan tanpa sebab yang patut, D memerintahkan suami membayar sejumlah **wang yang wajar** dan **patut mengikut Hukum Syarak**.

[27] Justeru berdasarkan huraian-huraian yang telah disebutkan di atas mahkamah berpuas hati bahawa plaintif berhak mendapat *mutaah* dan menjadi kewajipan ke atas defendan dengan erti kata lain tidak gugur E kewajipan tersebut dari defendan untuk membayar *mutaah* kepada plaintif. Namun timbul pula isu bersabit keputusan mahkamah yang disebutkan tadi. Jika plaintif telah ditentukan oleh mahkamah adalah berhak kepada *mutaah*, apakah kadar dan amaun yang berpatutan dan wajar harus diberikan kepada plaintif? F

[28] Peguamcara plaintif berhujah bahawa plaintif adalah berhak dan layak untuk mendapat *mutaah* dan amaun tuntutan berjumlah RM100 juta adalah munasabah dan relevan berdasarkan faktor-faktor berikut:

(i) tahap kemampuan defendan; G

(ii) pengorbanan dan kesusahan yang dilalui oleh plaintif sepanjang perkahwinan akibat sikap tidak bertanggungjawab defendan;

(iii) peluang plaintif untuk memulakan kehidupan dan/atau keluarga baru tersekat selepas sepuluh tahun hidup "ibarat gantung tak bertali"; H

(iv) perceraian telah mengaibkan dan merendahkan kedudukan/taraf plaintif di mata masyarakat.

[29] Sungguhpun dari sudut syarak tidak ditentukan jenis pemberian *mutaah* tersebut di mana *mutaah* boleh sahaja diberikan dalam bentuk pakaian, wang atau nafkah yang diberikan kepada isteri yang diceraikan. I

Namun memandangkan di dalam kes ini, timbulnya tuntutan *mutaah* dalam bentuk sejumlah wang, maka menjadi tugas mahkamah untuk menentukan apakah kadar yang wajar dan patut diberikan kepada plaintif.

[30] Mengenai kadar *mutaah* ini, saya merujuk kepada firman Allah di dalam Surah Al-Baqarah ayat 236 yang bermaksud:

> Tidak ada kewajipan membayar (mahar) atas kamu, jika kamu menceraikan isteri-isteri kamu sebelum kamu bercampur dengan mereka dan sebelum kamu menentukan maharnya. Dan hendaklah kamu berikan suatu *mut'ah* (pemberian) kepada mereka. Orang yang mampu menurut kemampuannya dan orang yang miskin menurut kemampuannya (pula), yaitu pemberian menurut yang patut. Yang demikian itu merupakan ketentuan bagi orang-orang yang berbuat kebajikan.

[31] Di dalam kitab *Hasyiah I'anah al-Talibin*, Juz 3, hlm. 595 ada menyatakan sebagaimana berikut:

> kadar *mutaah* ialah kadar yang dipersetujui oleh kedua pihak. Atau pendapat lain ialah kadar yang harus dijadikan sebagai mas kahwin. Dan setengah kadar *mutaah* itu tidak dikurang daripada tiga puluh dirham.

[32] Dalam kitab *Hasyiat Qalyubi wa Umairah*, oleh Syihabuddin Ahmad bin Ahmad Salamah al-Qalyubi, Juz 3, Beirut: Dar al-Kutub-llmiah, Cetakan Pertama, hlm. 441 menyebut:

> Dan disunatkan bahawa *mutaah* itu tidak kurang daripada tiga puluh dirham. Pendapat lain pula berkata *mutaah* itu sesuatu yang sedikit yang boleh dijadikan harta. Maka jika kedua suami isteri bersetuju atas kadar *mutaah* yang tertentu maka eloklah kadar *mutaah*nya

[33] Adapun kadar *mutaah* yang wajib ialah sebagaimana yang disebut dalam kitab *Hasyiah I'anah al-Talibin*, Juz 3, hlm. 596 seperti berikut:

> Adapun kadar *mutaah* yang wajib jika kedua-dua belah bersetuju dengan sesuatu yang tertentu maka ifulah kadar *mutaah*nya.

[34] Manakala di dalam kes *lda Hidayati Taufik lwn. Ahmad Shukri Kassim* [2004] 18 (ii) JH 259, KHS, Dato' Johdi bin Toha H dalam penghakimannya menyebut:

> Tidak ada penentuan nas mengenai kadar *mutaah* yang perlu dibayar kepada isteri yang diceraikan. Para *fuqaha*' membuat ijtihadnya mengenai kadarnya. Ulama' Hanafi menetapkan bayaran *mutaah* merupakan tiga pakaian iaitu pakaian basahan, pakaian tudung kepala dan pakaian yang menutup aurat dari kepala hingga ke kaki. Ulama Shafie pula berpendapat bahawa pemberian *mutaah* adalah tidak kurang daripada 30 dirham atau barang yang sama nilai dengannya ini adalah serendah-rendahnya yang disunatkan. Setinggi *mutaah* ialah bayaran tebusan khadam (hamba) dan yang sederhana ialah pakaian. Disunatkan *mutaah* itu ialah juga kadarnya sampai separuh daripada mahar *mithil*.

[35] Hal yang tersebut di atas adalah berkaitan kadar *mutaah* yang dipersetujui oleh kedua-dua pihak. Jika sekiranya pihak-pihak bertelingkah

mengenai kadarnya, maka perkara ini hendaklah dirujuk kepada hakim. lni telah dinyatakan di dalam kitab *Hasyiah I'anah al-Talibin*, Juz 3, hlm. 596:

> Jika berlaku perselisihan antara kedua belah pihak kadar *mutaah* maka hakimlah yang akan menentukan mengikut kadar kedua belah pihak, pihak suami dilihat pada segi kemampuan dan sudut keturunan dan sifatnya

[36] Justeru, dalam mengupas isu kadar *mutaah* yang patut, wajar dan munasabah, mahkamah telah dibantu oleh peguamcara plaintif dalam mendatangkan saksi memberi keterangan tentang aset-aset yang dimiliki oleh pihak defendan.

[37] Plaintif di dalam kes ini telah mengemukakan seorang saksi pakar iaitu SP1 - En Andrew Heng seorang akauntan bertauliah dari Ferrier Hodgson MH Sdn Bhd yang juga merupakan pembuat dokumen ("the maker of the document") laporan penilaian aset yang ditandakan sebagai P136 dan ringkasan laporan yang ditandakan sebagai P135.

[38] Secara amnya, salah satu cara pembuktian yang diterima dalam perundangan Islam ialah pendapat pakar. Dalam bahasa Arab pendapat pakar disebut sebagai *al-ra'yu al khabir*. Ibn Qayyim dalam *al-turuq al-hukmiyyah* mentafsirkan *al-ra'yu al khabir* sebagai "kesaksian orang yang berkeahlian tentang sesuatu bidang".

[39] Selain itu perkara yang dimaksudkan dengan pendapat, keterangan atau kesaksian pakar ialah pendapat yang diberi oleh seseorang yang mempunyai kepakaran dalam sesuatu bidang atau persoalan. Bukan itu sahaja, testimoni yang diberikan berkaitan dengan perkara saintifik, teknikal atau profesional oleh pakar yang berkelayakan dan berautoriti untuk bercakap mengenai perkara tersebut boleh dikategorikan sebagai keterangan pakar. Keterangan pakar ini biasanya dikeluarkan oleh mereka yang telah melalui latihan, kemahiran yang khusus atau kebiasaan seseorang mengenai sesuatu perkara-perkara tersebut.

[40] Seksyen 33 Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 ada menyebut tentang:

> Seksyen 33 - Pendapat pakar
>
> (1) Apabila mahkamah perlu membuat sesuatu pendapat atas sesuatu perkara mengenai undang-undang negara asing atau mengenai sains atau seni, atau tentang identiti atau ketulenan tulisan tangan atau cap jari atau berhubungan dengan penentuan nasab, maka pendapat atas perkara itu daripada orang yang mempunyai kemahiran khusus dalam undang-undang negara asing, sains atau seni itu, atau dalam soal tentang identiti atau ketulenan tulisan tangan atau cap jari atau berhubungan dengan penentuan nasab, ialah *qarinah*.
>
> (2) Orang sedemikian itu dipanggil pakar.

(3) Dua orang pakar atau lebih hendaklah dipanggil untuk memberikan keterangan jika boleh tetapi jika tidak terdapat dua orang pakar, maka keterangan seorang pakar adalah memadai. Jika dua orang pakar memberikan pendapat yang berlainan, maka pakar yang ketiga hendaklah dipanggil untuk memberikan keterangan.

[41] Menurut perkara 1689 *Majallah Al-Ahkam Al-Adliyyah*, laporan orang yang berkemahiran atau dikenali sebagai pakar boleh diterima sebagai testimoni yang sah walaupun jika perkataan "syahadah" tidak digunakan.

[42] Menurut kes *Ramsdale lwn. Ramsdale* [173 LT 393], apabila pendapat pakar adalah berdasarkan laporan fakta, maka fakta itu mestilah dibuktikan secara bebas, kecualilah bagi kes di mana fakta itu adalah dalam pengetahuan pakar itu sendiri.

[43] Lord President Cooper dalam kes *Davie v. Edinburgh Magistrates* [1953 SC 34] menyebut, tugas pakar itu adalah "untuk menyediakan hakim dengan kriteria saintifik yang perlu untuk pengujian ketepatan kesimpulan mereka, bagi membolehkan hakim membentuk keputusan mereka yang bebas dengan memakai kriteria-kriteria ini kepada fakta yang dibuktikan dalam keterangan".

[44] Dalam kes ini, En Andrew Heng telah dipanggil untuk membuktikan bahawa defendan adalah berkemampuan terhadap tuntutan yang dikemukakan oleh plaintif.

S: are you a registered chartered accountant

J: Yes, in Malaysian Inst Acc (MIA) & Certified Financial planner of Financial Associations in Malaysia

S: what else?

J: member of CPA - Certified Practising Acc, member of Cambodian CPA

S: are you also a member of insolvency?

J: yes, Insolvency Practitioner Association in Malaysia, one of the company members of MIA insolvency companys.

S: how long have you been practising?

J: since 2002

S: about 12 years

J: yes

S: what type of work do you perform in Ferrier? A

J: I lead a corporate advisory, restructuring and turn around team, due diligence, valuation

S: what else?

J: 1 have done valuation of companies B

[45] SP1 telah memberitahu mahkamah bahawa beliau telah menilai keseluruhan aset milik defendan dengan cara melihat kesemuanya (kesemua aset) dengan menolak liabiliti serta intangible asset (intangible asset di sini bermaksud - goodwill, copyright value which does not have physical presence). C

[46] Secara ringkasnya butir-butir aset dan/atau hartanah alih dan tak alih defendan adalah sebagaimana rajah yang dinyatakan di bawah:

Aset	Nilai
Kepentingan saham di 49 buah syarikat (merangkumi 18 syarikat EPC - exempted private company, 20 syarikat dengan laporan auditor dan 11 syarikat tanpa laporan audit)	RM219,682,315
Ladang kelapa sawit di Sarawak di bawah syarikat-syarikat defendan mempunyai saham (Bella Magic Sdn Bhd, Essential Straits Sdn Bhd dan Log Oak Promotion Sdn Bhd)	RM636,428,373 ke RM1,055,279.097
Aset di bawah Syarikat Ivy Craft Sdn Bhd	RM9,172,500
Aset di bawah syarikat Titanium Management Sdn Bhd	RM60,000,000
Harta pusaka Allahyarhamah Datuk Amar Puan Sri Hajjah Leila Taib	RM50,962,877
Jumlah Nilaian Aset Defendan (diperoleh dari nilai range RM976,246,028 kepada RM1,395,096,752	RM1,185,671,390

D E F G

[47] Mahkamah dalam menerima keterangan saksi pakar ini mengambil pendekatan yang sangat berhati-hati dan penuh waspada sebelum keterangan tersebut diboleh terima oleh mahkamah.

H

[48] Berdasarkan keterangan saksi pakar ini, mahkamah merumuskan bahawa dalam pada pakar itu mestilah mahir, dia tidaklah dikehendaki sedemikian dengan cara pembelajaran khas sahaja, dia juga boleh melalui pengalaman, dan fakta bahawa dia tidak memperoleh pengetahuannya secara profesionnya hanyalah merupakan suatu yang dipertimbang dan bukannya kebolehterimaan. I

[49] Justeru berpandukan prinsip di atas, mahkamah simpulkan bahawa saksi pakar ini adalah seorang yang kompeten dan keterangannya adalah boleh terima dan relevan di dalam kes di hadapan saya pada hari ini memandangkan SP1 ini adalah orang yang ahli dalam bidangnya dan telah lama berkecimpung dalam penilaian sebegini dan selama ini keterangannya juga adalah diterima di mahkamah lainnya. Sepanjang prosiding perbicaraan kes ini berlangsung, mahkamah berpuas hati bahawa segala fakta yang dikemukakan oleh SP1 adalah konsisten, berdasarkan pengiraan yang genuine/authentic.

[50] Peguamcara defendan menghujahkan bahawa, kredibiliti SP1 adalah dipertikaikan dan menganggap laporan SP1 yang telah membuat nilaian "Value Of The Oil Palm Land, Property Of Ivy Craft, Properties Of Titanium Management" hanyalah bersandarkan andaian anggapan sahaja, sumber-sumber lisan dan representasi bertulis plaintif tanpa dapat membuktikan secara jelas dan konkrit sebagaimana yang diperuntukkan oleh undang-undang dan Hukum Syarak.

[51] Pegum cara defendan turut menghujahkan bahawa SP1 sendiri tidak pernah pergi melihat tanah tersebut, menjejaki tanah tersebut, malahan SP1 tidak pernah mengemukakan kepada mahkamah lakaran peta, pelan tanah tersebut, pemilikan dokumen yang sah atas nama defendan, kertas projek Oil Palm Land, laporan nilai tanah tersebut yang dinilai oleh penilai tanah yang sah mahupun saksi yang menyokong dakwaan-dakwaan SP1.

[52] Namun, apa yang dikesalkan mahkamah, defendan gagal membuktikan atau mendatangkan kepada mahkamah untuk mematahkan dan mencabar dakwaan yang dibuat plaintif dengan keterangan-keterangan yang dapat menyangkal laporan yang dibuat SP1 dalam ekshibit yang ditanda P135 dan P136.

[53] Justeru, di dalam kes di hadapan saya pada hari ini, sungguhpun defendan menafikan dan tidak bersetuju dengan laporan penilaian yang dibuat oleh SP1, namun mahkamah tidak sewenang-wenangnya menerima penafian tersebut, kerana tidak ada bukti-bukti lain yang dapat menunjukkan keadaan sebaliknya berlaku di mana di dalam kes ini laporan nilaian sebenar tidak dikemukakan oleh defendan. Adalah satu penerimaan yang salah jika mahkamah menerima keterangan defendan yang tidak bersetuju dengan saksi pakar SP1 tanpa penjelasan dan bukti yang kukuh.

[54] Mahkamah berpendapat adalah menjadi tugas defendan untuk membuktikan kepada mahkamah bahawa laporan yang disediakan oleh SP1 adalah laporan yang salah, tidak mempunyai justifikasi yang tepat dan memprejudiskan defendan.

[55] Plaintif di dalam kes ini juga telah memanggil En Magendran - SP2, Assistant Vice President, Customer Resolution Unit di CIMB Bank yang telah hadir dan mengesahkan kandungan eks. P17(c), (d), (e) - P18(a), (b), (c), (d), (e) sebagai penyata akaun CIMB milik defendan yang mana keterangannya adalah seperti berikut:

S: tolong terangkan penyata akaun kepunyaan siapa ini?

J: Dato Sri Abu Bakar Talib

S: alamat?

J: Level 7, Wisma Mahmud, Jalan Sg Sarawak, Kuching 93100 Sarawak

S: Akaun?

J: 11180000017101

S: cawangan mana?

J: Kuching, Wisma STA Kuching

S: Penyata ini, jenis akaun apa ni?

J: akaun semasa

S: Setakat akhir 31.7.2012, berapa amaun dalam acc ni?

j: baki setakat 31.7.2012 RM1,763,955.65

S: bagaimana dengan opening balance dalam acc yang sama?

J: RM4,401,987.45

J: amaun terakhir setakat 31.8.2012

J: RM3,216,459.36

S: closing balance setakat 30.9.2012?

J: RM3,221,370.91

[56] SP2 juga turut memberikan keterangan berkenaan akaun simpanan tetap CIMB milik defendan di mana defendan mempunyai tiga simpanan tetap CIMB di mana jumlah keseluruhan bagi ketiga-tiga akaun tersebut adalah RM4,017,326.02.

[57] Plaintif turut mengemukakan SP3 iaitu Puan Mursinah binti Manap, iaitu Pengurus Bahagian Khidmat Pelanggan di Maybank yang memberikan keterangan berkenaan AMEX (American Express Card) kepunyaan defendan. SP3 menerangkan tiada had atau batasan bagi pengguna AMEX Kad ini boleh digunakan selagi mana pelanggan boleh bayar.

[58] Berdasarkan eks. P10-P16, penggunaan kad kredit defendan adalah seperti berikut:

Tarikh	Perbelanjaan	Eksibit
8.1.2012	RM 98,438.03	P-10
8.2.2012	RM247,201.91	P-11
8.3.2012	RM102,236.91	P-12
8.4.2012	RM172,193.23	P-13
8.5.2012	RM 39,454.37	P-14
8.6.2012	RM153,539.85	P-15
8.10.2012	RM 22,284.71	P-16

[59] Di samping itu, SP1 dalam keterangannya juga telah mengambil kira aset kereta-kereta mewah defendan yang berharga ratusan dan jutaan ringgit di mana kereta-kereta mewah adalah seperti Audi, Ferrari, Bentley, Lamborghini, Toyota Alphard, Audi 7 Series.

[60] Plaintif juga turut menghujahkan bahawa defendan adalah seorang yang berkemampuan berdasarkan pelantikan defendan ke atas Public Relation Consultant & Media di mana syarikat ini dilantik bertujuan untuk menyebarkan informasi berkenaan kes ini. Mahkamah difahamkan pelantikan syarikat konsultan tersebut memakan belanja sebanyak RM890,400 dan kontrak bersama syarikat tersebut diikat selama dua tahun bermula 1 Jun 2014 sehingga 31 Mei 2016.

[61] Pelantikan konsultan media ini telah memberi inferens bahawa defendan adalah seorang yang berkemampuan. Ini kerana perbelanjaan yang sebegini besar bukanlah calang-calang orang mahu menghabiskannya untuk penyebaran informasi seumpama ini.

[62] Sungguhpun tidak ada satu mekanisme khusus dalam menentukan kadar *mutaah* yang berkadaran sesuai patut diterima oleh plaintif, mahkamah suka untuk merujuk kepada penghakiman yang dibuat oleh Tn Mohd Nadzri bin Hj Abd Rahman di dalam kes *Suraiya M Shafie lwn. Abd Shukor bin Mohd Hashim* JH 27 Bhg II, di mana di dalam kes tersebut hakim bicara menjelaskan bahawa:

> Perkara utama yang menjadi sandaran saya adalah kemampuan suami, kedudukan suami dan isteri dan melihat kepada faktor-faktor sampingan lain seperti pengorbanan isteri, menutup malu dan kesedihan dan sebagainya. Ini bermakna kemampuan kewangan hendaklah disokong dengan faktor-faktor lain seperti kedudukan, status dan taraf suami isteri dan sebagainya. Kemampuan semata-mata akan menyebabkan ketidakadilan dan akan berlakunya tuntutan yang tidak munasabah.

[63] Justeru, atas dasar inilah yang memberi satu ruang lingkup yang luas kepada hakim untuk berijtihad menggunakan segala pengetahuan dan kepakaran yang ada dalam menentukan kadar *mutaah* yang bersesuaian di dalam kes ini.

[64] Mahkamah di dalam kes ini turut berpandukan kepada ayat 236 Surah Al-Baqarah yang mana inti patinya menyebut bahawa pemberian *mutaah* itu adalah berdasarkan kepada kemampuan si pemberi dan hendaklah menurut kadar yang patut.

[65] Fakta kes tersebut adalah di mana plaintif yang merupakan seorang doktor pakar mata di Hospital Pakar Seremban telah menuntut bayaran *mutaah* daripada defendan, bekas suaminya seorang pakar tulang sebanyak RM500,000. Walau bagaimanapun, defendan telah menawarkan kepada plaintif bayaran *mutaah* sebanyak RM50,000, namun kedua-dua pihak tidak bersetuju dengan amaun tersebut. Justeru, hakim di dalam kes ini telah mengambil pendekatan dengan memutuskan bahawa jumlah RM500,000 yang dituntut plaintif adalah suatu jumlah yang tidak munasabah. Oleh sebab-itu, hakim telah mengambil pendekatan jumlah RM50,000 sebagai asas tawaran defendan dan RM20,000 lagi berdasarkan kesedihan, kesukaran plaintif menjalani kehidupan selepas bercerai, pengorbanan plaintif, kemampuan defendan berdasarkan pendapatan bulanannya dan adanya wang simpanan yang boleh diperuntukkan untuk tujuan demikian. Pada hemat saya, kemampuan defendan telah dibuktikan dengan kehadiran SP3 seorang akauntan syarikat di tempat pasangan ini bekerja, yang boleh dikatakan saksi yang pakar dalam bidangnya. Saya percaya dan yakin defendan mampu membayar lebih dari jumlah tersebut, tetapi saya juga melihat kepada status dan kedudukan pihak-pihak yang tidak mewajarkan tuntutan RM500,000 tersebut dipenuhi.

[66] Jika dilihat di dalam kes ini, plaintif merupakan seorang graduan Ekonomi dari University George Mason di Virginia, dan juga telah mendapat Sarjana Pengurusan Perniagaan (Kewangan) dari American University, Washington DC. Sebagaimana defendan yang dikenali umum merupakan anak kepada bekas Ketua Menteri Sarawak, plaintif juga lahir dari keluarga terhormat dan ternama. Bapa plaintif merupakan seorang bekas Ketua Pengarah Jabatan Perhutanan Malaysia. Tuntasnya di sini, sungguhpun plaintif tidaklah terlalu mendapat publisiti yang meluas sebagaimana individu lain, namun plaintif dikatakan orang yang mempunyai kedudukan memandangkan plaintif adalah seorang yang terpelajar dan datang dari keluarga yang dihormati dan disegani.

[67] Adalah menjadi suatu fakta yang tidak dapat dinafikan di mana, setelah berkahwin dengan defendan, plaintif turut memainkan peranan yang besar dalam membangunkan syarikat Sarawak Securities milik defendan sehingga berjaya. Plaintif juga telah mengambil keputusan untuk berhenti bekerja dan menumpukan masa sepenuhnya kepada keluarga sehinggalah perceraian berlaku di antara pihak-pihak.

[68] Plaintif sebagaimana dakwaannya, menyatakan antara alasan plaintif menuntut sejumlah RM100 juta adalah kerana peluang plaintif untuk memulakan hidup baru atau keluarga baru tersekat selepas sepuluh tahun hidup plaintif ibarat gantung tidak bertali.

[69] Di sini, mahkamah ingin mengupas lanjut bahawa, tindakan meninggalkan seorang isteri selama hampir sepuluh tahun lamanya tanpa perhatian, kasih sayang sewajarnya adalah satu bentuk pengabaian yang tidak boleh dipandang enteng. Walau apapun dakwaan plaintif, terhadap defendan selama sepuluh tahun pengabaian dalam rumah tangga ini berlaku, yang mana keterangan plaintif, mengatakan defendan mempunyai wanita lain dan ada juga cerita telah melangsungkan perkahwinan dengan wanita lain, namun pengabaian hampir satu dasawarsa ini adalah satu pengabaian yang tidak boleh dimaafkan. Plaintif merupakan seorang isteri yang sah kepada defendan pada masa material tersebut, tetapi hanya memegang status isteri secara lahiriahnya sahaja, sedangkan jika pihak-pihak cuba berbincang dan mencapai kata sepakat demi kesejahteraan rumah tangga pihak-pihak, berkemungkinan besar plaintif boleh memulakan hidup baru dengan keluarga baru pula. Seolah-olah telah berlaku kesunyian hidup yang lama dan panjang. Sedangkan umum mengetahui plaintif merupakan isteri yang sah kepada defendan namun, harus menelan kesedihan dan kepedihan saban hari mendengar kisah negatif defendan dengan wanita lain.

[70] Mahkamah di sini juga setelah meneliti hujahan defendan tertarik untuk mengulas hujahan defendan berkenaan pemberian *mutaah* telah pun dinikmati manfaatnya oleh plaintif selepas diceraikan dengan pemberian sebuah rumah bagi kediaman dan tiga buah kereta kepada plaintif untuk digunakan bagi keperluan hariannya dan manfaat selepas perceraian.

[71] Mahkamah di dalam hal ini cenderung melihat isu ini bukanlah satu pemberian *mutaah* kerana perkara ini hanya dinilai dari sudut pemberian yang tersirat tanpa ada apa-apa maksud terzahir yang dibuat oleh defendan terhadap plaintif. Sekalipun defendan menganggap ini adalah satu bentuk pemberian *mutaah* kepada plaintif namun ketidaksetujuan plaintif terhadap hal ini, tidak juga boleh dianggap satu bentuk *mutaah*.

[72] Mahkamah juga ingin mengulas bagaimana cerita rumah tangga plaintif dan defendan ini sedikit sebanyak telah mengaibkan dan merendahkan taraf plaintif di mata masyarakat memandangkan defendan bukanlah dari kalangan orang biasa-biasa.

[73] Justeru, berdasarkan alasan-alasan tersebut, saya berpendapat *mutaah* adalah sesuatu yang wajib dibayar oleh defendan kepada plaintif. Mengenai kadarnya pula, sungguhpun tiada pengiraan yang spesifik dan mekanisme yang boleh dijadikan panduan, mahkamah berbalik kepada faktor kemampuan suami, kedudukan suami isteri, serta faktor-faktor sampingan lain seperti kesedihan isteri, menutup malu pada isteri dan sebagainya.

[74] Mahkamah di dalam kes ini juga turut menekankan prinsip kaedah fiqhiyyah "*al-bayyinah alal muddai' wal yamin ala man ankara*" sebagaimana peruntukan undang-undang yang 'termaktub di dalam Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997.

[75] Berdasarkan s. 72 Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997:

> Beban untuk mengemukakan keterangan dalam kes Mal
>
> Beban untuk mengemukakan keterangan dalam sesuatu kes mal terletak pada orang yang mengatakan atau menegaskan sesuatu fakta (*al-mudda'ii*) dan orang yang mengangkat sumpah untuk menafikan atau mempertikaikan sesuatu fakta (*al-Mudda'a'alaih*).

Manakala s. 73, 74, 75 dan 76 Akta yang sama memperuntukkan:

> Seksyen 73 - Beban Membuktikan
>
> (l) Sesiapa yang berhasrat supaya mana-mana Mahkamah memberikan penghakiman tentang apa-apa hak atau tanggungan di sisi undang-undang yang bergantung kepada kewujudan fakta yang ditegaskan olehnya mestilah membuktikan bahawa fakta itu wujud.
>
> (2) Apabila seseorang terikat untuk membuktikan kewujudan apa-apa fakta. maka dikatakan bahawa beban membuktikan terletak pada orang itu.
>
> Seksyen 74 - Pada siapa letaknya beban membuktikan
>
> Beban membuktikan dalam sesuatu guaman atau prosiding terletak pada orang yang akan gagal jika tiada apa-apa keterangan langsung diberikan oleh mana-mana pihak.
>
> Seksyen 75 - Beban membuktikan tentang fakta tertentu.
>
> Beban membuktikan tentang apa-apa fakta tertentu terletak pada orang yang berkehendakkan mahkamah mempercayai tentang kewujudan fakta itu.
>
> Seksyen 76 - Beban membuktikan fakta yang perlu dibuktikan untuk menjadikan keterangan boleh diterima.
>
> Beban membuktikan apa-apa fakta yang perlu dibuktikan untuk membolehkan mana-mana orang memberikan keterangan mengenai apa-apa fakta yang lain, terletak pada orang yang berhasrat memberikan keterangan itu.

[76] Mahkamah bersetuju dengan hujahan peguam cara plaintif bahawa kesemua dokumen yang ditenderkan di mahkamah adalah boleh diterima sebagai *qarinah* berdasarkan sub-s. 11(b) Akta Keterangan Mahkamah

Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997. Keterangan saksi pakar SP1 juga boleh diterima sebagai saksi yang kompeten untuk memberikan *bayyinah* berdasarkan kelayakan saksi tersebut sebagai seorang yang mempunyai kelayakan, ingatan yang baik dan tidak prejudis semasa memberikan keterangan di mahkamah. Ini adalah selari sebagaimana peruntukan yang termaktub di bawah s. 83(2) Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 yang menyatakan bahawa:

> (2) Seseorang yang bukan Islam adalah kompeten untuk memberikan *bayyinah* untuk orang Islam jika keterangannya boleh diterima mengikut hukum syarak.
>
> Huraian *Bayyinah* seorang pakar bukan Islam terhadap seorang Islam boleh diterima, jika dikehendaki.

[77] Defendan yang memberikan keterangan di mahkamah yang menyatakan bahawa pegangan sahamnya adalah mencukupi untuk bayaran tuntutan *mutaah* (RM100 juta) adalah bertaraf *iqrar* dan *qarinah*.

Tarikh keterangan	Keterangan	Peringkat
4.8.2015	S: satu syarikat CMS berdasarkan shareholding kamu sahaja boleh cover tuntutan *mutaah* ini RM100 juta?	soal balas defendan
	J: Ya	

[78] Mahkamah berpendapat jumlah yang dituntut adalah satu jumlah yang tidak munasabah. Pada hemat mahkamah, kemampuan defendan telah terbukti melalui segala keterangan yang dikemukakan oleh saksi-saksi.

Diputuskan

[79] Setelah mahkamah meneliti dan memperhalusi saman dan penyata tuntutan plaintif, pembelaan pihak defendan, keterangan plaintif, defendan dan saksi-saksi dan setelah menimbang hujahan kedua-dua belah pihak, maka dengan ini mahkamah perintah dan hukum bahawa:

(a) Defendan hendaklah membayar *mutaah* kepada plaintif sebanyak RM30 juta.

(b) Bagi melaksanakan perintah ini, jumlah tersebut haruslah dilangsaikan secara ansuran sebanyak tiga kali bayaran bermula pada/atau sebelum 31 Mac 2016, diikuti pada atau sebelum 30 Jun 2016 dan pada atau sebelum 30 September 2016 dengan setiap kali bayaran hendaklah berjumlah RM10 juta. Sekiranya bayaran dibuat secara sekali gus sepertimana ketetapan bayaran bermula pada 31 Mac 2016 maka ianya dianggap telah memenuhi kehendak pembayaran *mutaah* ini dan tidak perlu lagi membuat bayaran pada bulan Jun dan September 2016.

(c) Sekiranya pembayaran pada bulan pertama Mac 2016 sebanyak RM10 juta telah dibuat dan pada bulan kedua Jun 2016 sebanyak RM20 juta pula, maka pembayaran *mutaah* dianggap telah diselesaikan. Jika pembayaran sebanyak RM30 juta telah dibuat pada pembayaran kali pertama, pembayaran *mutaah* juga dianggap telah selesai.

[80] Saya beranggapan jumlah tersebut adalah berkadaran dan wajar bagi kemampuan defendan melalui bukti yang telah ditender kepada mahkamah dan jumlah tersebut mampu setidak-tidaknya menghapus duka di hati seorang isteri.